

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : 8951

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti (ISIS) atau DAESH sejak 2010 (dari tahun ke tahun), bilangan orang yang telah dituduh untuk kesalahan-kesalahan tersebut dan bilangan orang yang telah disabitkan untuk perkara yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2010 sehingga 4 Mei 2016, sebanyak 179 orang telah ditahan kerana disyaki atau didapati terlibat dengan elemen DAESH. Seramai 62 orang telah dituduh di bawah pelbagai undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api dan Akta Imigresen 1959/53. Daripada jumlah tersebut, seramai 38 orang daripada mereka telah pun disabitkan dengan kesalahan.

10. Saya ingin tegaskan bahawa isu Laut China Selatan adalah kompleks dan melibatkan hubungan antara negara. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD
WASALI [SIPITANG]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :

Jumlah Tadika/Taska KEMAS di seluruh negara serta bilangan tenaga pengajarnya, dan sejauh mana peranannya membantu usaha membangunkan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga 10 Mei 2016, bilangan Tabika KEMAS yang didaftarkan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 11,190 buah kelas dengan jumlah kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun adalah seramai 220,613 orang. Manakala bilangan kelas Taska PERMATA KEMAS pula adalah sebanyak 490 buah dengan seramai 9,394 orang kanak-kanak.

Tenaga pengajar pendidikan awal kanak-kanak KEMAS keseluruhannya adalah seramai 12,671 orang iaitu seramai 11,084 orang Pemaju Masyarakat Tabika dan seramai 1,587 orang Pemaju Masyarakat Taska PERMATA KEMAS.

Semenjak penubuhannya, Tabika dan Taska PERMATA KEMAS telah banyak menyumbang kepada pembangunan kesejahteraan masyarakat di luar bandar. Antaranya ialah :-

Pertama : Bermula dengan penubuhan 10 buah Tabika pada tahun 1970 sehinggalah kini, KEMAS telah memberikan didikan awal secara percuma kepada kanak-kanak terutamanya masyarakat diluar bandar;

Kedua : Penubuhan Taska yang bermula pada tahun 1995 pula, telah memberikan peluang kepada ibu diluar bandar untuk keluar bekerja bagi menambahkan pendapatan keluarga tanpa risau tentang penjagaan anak-anak mereka;

Ketiga : Melalui pemberian bantuan Geran Perkapita sebanyak RM100.00 seorang, kanak-kanak Tabika KEMAS telah menikmati pemberian buku aktiviti dan buku perkembangan kanak-kanak serta mengadakan lawatan pendidikan ke tempat yang boleh menambah pengetahuan dan pengalaman kepada anak-anak. Manakala bagi kanak-kanak miskin, pemberian tambahan Geran Perkapita Khas sebanyak RM50.00 yang digunakan untuk pemberian pakaian seragam, baju sukan, peralatan mandi, tuala dan selimut secara percuma yang bertujuan untuk meringankan beban kanak-kanak dari keluarga yang kurang berkemampuan dan membolehkan mereka mengikuti persekolahan dengan tenang dan selesa;